



KERATAN AKHBAR
30 November 2015

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bayar zakat secara ansuran
Muka Surat	:	38

Bayar zakat secara ansuran

LZS perkenal skim berkat, buat potongan gaji secara bulanan

■ HAFIZDZULLAH HASSAN

SHAH ALAM - Tidak ada alasan mengelak daripada membayar zakat kerana Lembaga Zakat Selangor (LZS) ada menyediakan perkhidmatan skim potongan gaji zakat atau skim berkat bagi memudahkan orang ramai membuat caruman.

Pengurus Sektor Majikan Pejabat Kutipan LZS, Wira Mustafa berkata, skim berkat adalah satu kaedah yang diwujudkan bagi membantu orang ramai membayar apa jenis zakat secara ansuran.

"Semua jenis zakat tidak kira sama ada simpanan ataupun pendapatan boleh dibayar dengan menggunakan perkhidmatan ini."

"Orang ramai hanya perlu membuat taksiran zakat yang terlibat dan bahagikan kepada 12 bulan, kemudian membayarnya secara ansuran," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, kaedah ini lebih mudahkan kerana zakat tidak lagi perlu dibayar secara tahunan.

"Kalau kita nak bayar ikut tahunan mungkin duit tak cukup atau ada halangan lain yang memaksak kita menunggukannya."

Jadi LZS perkenalkan sistem potongan gaji supaya bayaran zakat lebih mudah, sistematic dan menjimatkan kos," katanya.

Menurutnya, orang ramai yang membuat caruman dengan menggunakan skim ini berhak mendapat pelarasan daripada Potongan Cukai Bulanan (PCB).



Wira bersama salah seorang kakitangan LZS membincangkan fungsi ESPG yang memudahkan orang ramai membuat caruman secara bulanan.

"Dengan kaedah ini majikan turus tetapkan cukai dengan zakaat tanpa perlu menunggu membuat permohonan cukai pendapatan tahunan."

"Kalau individu itu ada cukai berjumlah sekian dan zakat berjumlah sekian ia akan ditolak terus daripada cukai," katanya.

Wira berkata, skim berkat turut memudahkan LZS untuk menentukan urusan kutipan dan agihan secara bulanan.

"Melalui potongan gaji kita dia boleh tahu berapa banyak kutipan yang dibuat dan agihan yang boleh di-

berikan untuk bulan-bulan tertentu.

"Berbanding bayar setahun sekali kita terpaksa tunggu hujung sampai hujung tahun menentukan kutipan dan membuat agihan," katanya.

Caruman secara atas talian

Skim berkat boleh dibuat dengan cepat, mudah dan berkesan melalui perkhidmatan atas talian yang dikenali sebagai ESPG (Elektronik Skim Potongan Gaji).

Wira berkata, sistem atas talian ini membantukan urusan caruman dibuat tanpa perlu berurus niaga dengan majikan atau apuan gaji.

"Kita ikut perkembangan zaman dengan menyediakan platform atas talian yang lebih mudah berbanding mengisi dan menggunakan borang manual."

"LZS akan menyambungkan maklumat yang dimasukkan terus kepada majikan untuk memudahkan urusan pemotongan gaji," katanya.

Menurutnya, perkhidmatan ESPG sangat penting terutama untuk mereka yang ingin menambah caruman.

"Orang ramai hanya perlu melayari <http://www.zakatselangor.com.my/cara-bayarans/skim-berkat-potongan-gaji/> dan memasukkan nombor kad pengenalan mereka."

"Semua maklumat terdahulu boleh dikemaskinikan termasuk menambah caruman selepas berlaku kenaikan gaji," katanya.

Katanya, ESPG juga sesuai digunakan oleh mereka yang baru hendak memulakan kerja.

"Caru sama macam nak menyemat caruman, bezanya orang

“Semua jenis zakat tidak kira sama ada simpanan ataupun pendapatan boleh dibayar dengan menggunakan perkhidmatan ini. Orang ramai hanya perlu membuat taksiran zakat yang terlibat dan bahagikan kepada 12 bulan, kemudian membayarnya secara ansuran.” - Wira

ramai perlu memasukan maklumat perbadan mereka dan e-mel majikan.

"LZS akan melakukan urusan dengan majikan dan gaji akan dipotong mengikut jumlah yang dipilih," katanya.

ESPG boleh diakses pada bila-bila melalui laman web rasmi LZS atau pun muat turun aplikasi E-Zakat untuk telefon pintar.

Selain mendatara dan menambah caruman, ESPG juga memberarkan orang ramai membuat semakan rekod akaun mereka.

Caruman ataupun penambahan boleh dibuat dengan merujuk jadual jumlah potongan yang dikenakan berdasarkan pendapatan bulanan.

Sumbangan caruman skim berkat

Skim berkat menunjukkan respon yang memberangsangkan di kalangan orang ramai sama ada mereka kakitangan awam dan swasta.

Wira berkata, kakitangan swasta adalah penyumbang terbesar kutipan LZS melalui skim ini.

"Kakitangan swasta yang membayar jumlahnya tak besar tapi sumbangan caruman mereka besar."

"Mungkin faktor gaji yang tinggi menyebabkan mereka menyumbang lebih daripada apa yang disumbangkan oleh kakitangan awam," katanya.

